



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN MATRIKULASI

**PANDUAN PENDAFTARAN
PELAJAR BAHARU
PROGRAM MATRIKULASI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**



SESI 2025/2026





PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR PROGRAM MATRIKULASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA SESI 2025/2026

1.0 PENDAHULUAN

Bahagian Matrikulasi mengucapkan tahniah atas kejayaan saudara/ saudari kerana berjaya dipilih mengikuti Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi sesi 2025/2026.

Semua maklumat di bawah bertujuan membantu saudara/ saudari membuat persediaan sebelum mendaftar. **Sila baca dengan teliti dan ikut arahan yang diberikan.**

2.0 PROSEDUR TERIMA TAWARAN

Saudara/ saudari hendaklah mengambil tindakan yang berikut:

2.1 Mendaftar dalam talian dengan melayari laman sesawang kolej matrikulasi yang ditawarkan mulai **22 Mei hingga 21 Jun 2025**. (Laman sesawang dan butiran lanjut berkenaan kolej matrikulasi disertakan di lampiran 1). Perkara berikut perlu disediakan bagi melengkapkan pendaftaran secara dalam talian;

2.1.1 Gambar pelajar;

2.1.2 Nombor rujukan/ slip bayaran yuran pendaftaran (seperti di perkara 3.0);

2.1.3 Nombor akaun bank (seperti di perkara 2.3); dan

2.1.4 Nombor telefon bimbit terkini.

2.2 Menyedia dan melengkapkan semua dokumen pendaftaran seperti dalam senarai semak dokumen.

2.3 Membuka akaun bank/ mempunyai akaun bank aktif (individu) atas nama pelajar dan membuat kad *Automated Teller Machine* (ATM) seperti ketetapan yang berikut:

2.3.1 **Bank Simpanan Nasional (BSN)** jika saudara/saudari ditempatkan di salah satu kolej berikut:

- a) Kolej Matrikulasi Perak
- b) Kolej Matrikulasi Pahang
- c) Kolej Matrikulasi Selangor
- d) Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Johor
- e) Kolej Matrikulasi Pulau Pinang

2.3.2 **Bank Rakyat** jika saudara/ saudari ditempatkan di salah satu kolej berikut:

- a) Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan
- b) Kolej Matrikulasi Perlis

- c) Kolej Matrikulasi Labuan
- d) Kolej Matrikulasi Johor
- e) Kolej Matrikulasi Kedah
- f) Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Kedah
- g) Kolej Matrikulasi Sarawak
- h) Kolej Matrikulasi Melaka

Bagi memudahkan pembukaan akaun di Bank Rakyat sila rujuk panduan tambahan di pautan <https://bit.ly/rakyatmatrikulasi>

2.3.3 **Bank Islam** jika saudara/ saudari ditempatkan di salah satu kolej berikut:

- a) Kolej Matrikulasi Kelantan
- b) Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Pahang

2.3.4 **Bank CIMB** jika saudara/ saudari ditempatkan di salah satu kolej berikut:

- a) Kolej MARA Kulim
- b) Kolej MARA Kuala Nerang

2.4 Menyedia keperluan peribadi pelajar (rujuk lampiran 2).

3.0 YURAN PENDAFTARAN

3.1 Pembayaran yuran hendaklah dibuat sebelum pendaftaran secara dalam talian dibuat melalui kaedah berikut:

- I. Membayar yuran di mana-mana kaunter cawangan BSN dengan menyertakan bersama-sama surat tawaran;
- II. Bayaran secara dalam talian melalui perkhidmatan myBSN (modul *payments*);
- III. Bayaran melalui kaedah **Interbank GIRO (IBG) SAHAJA** (Bukan melalui *Instant Transfer/ DuitNow*) ke nombor akaun kolej matrikulasi. Nombor akaun bank kolej matrikulasi boleh dirujuk di laman sesawang kolej matrikulasi saudara/ saudari.

Bagi kaedah bayaran I dan II saudara/ saudari akan dikenakan caj perkhidmatan oleh BSN sebanyak RM0.60. Sila rujuk laman sesawang kolej untuk maklumat lanjut berkaitan pembayaran.

3.2 Jumlah yuran pendaftaran yang perlu dibayar sepanjang tempoh pengajian ialah:

Jurusan	Jumlah
Sains	RM499.00
Perakaunan	RM446.00
Perakaunan Profesional	RM446.00
Kejuruteraan	RM499.00
Sains Komputer	RM499.00
Sains Empat Semester (SES)	Semester 1 & 2: RM499.00 Semester 3 & 4: RM334.00

- I. Yuran pendaftaran dinyatakan tidak termasuk yuran Malaysian University English Test (MUET). Kadar yuran MUET ditetapkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) dan pelajar dibenarkan membuat bayaran selepas menerima Bantuan Sara Hidup Pelajar (BSHP) kali pertama.
- II. Pelajar Jurusan Perakaunan Profesional (JPPro) perlu membeli buku rujukan berjumlah RM600.00 dan bayaran boleh dibuat kepada pihak Kolej Matrikulasi Selangor selepas pendaftaran di kolej.
- III. Bagi JPPro, yuran peperiksaan Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) boleh dibuat di semester dua pengajian. Yuran bagi setiap kertas ACCA ditanggung oleh pelajar mengikut kadar semasa.
- IV. Pihak KPM turut menyediakan bantuan kewangan khusus kepada pelajar B40 JPPro yang layak. Hubungi pihak Kolej Matrikulasi Selangor untuk maklumat lanjut.
- V. Bagi pelajar SES, bayaran yuran bagi semester 1 & 2 sahaja perlu dibuat sebelum pendaftaran.
- VI. Sebarang masalah berkaitan pembayaran yuran pendaftaran saudara/ saudari boleh berhubung dengan pihak kolej masing-masing.

4.0 PENDAFTARAN KOLEJ

Saudara/ saudari dikehendaki:

- 4.1 Mendaftar di kolej pada tarikh yang ditetapkan oleh pihak kolej. Sebarang penangguhan adalah tidak dibenarkan.
- 4.2 Mematuhi semua prosedur dan panduan yang ditetapkan.
- 4.3 Menyerahkan dan menyimpan semua dokumen yang lengkap mengikut senarai semak yang disediakan.
- 4.4 Pastikan pelajar menyimpan salinan dokumen yang diserahkan secara *softcopy* untuk rujukan kemudian.

5.0 MINGGU PENGURUSAN PELAJAR BAHARU (MPPB)

- 5.1 Objektif pelaksanaan MPPB:
 - i. Platform informasi terkini berkaitan Program Matrikulasi KPM
 - ii. Memastikan pelajar baharu dapat menyesuaikan diri dengan sistem pembelajaran dan persekitaran di kolej matrikulasi
 - iii. Mencungkil dan memperkembangkan potensi pelajar agar lebih berdedikasi serta mempunyai komitmen yang tinggi dalam pembangunan akademik, malah dari segi sahsiah, emosi, jasmani, sosial dan rohani (JERIS)
 - iv. Memperkasakan alumni Program Matrikulasi KPM
- 5.2 MPPB akan dilaksanakan secara bersemuka/ secara dalam talian mengikut ketetapan kolej saudara/saudari.
- 5.3 Pelajar **diwajibkan** mengikuti semua aktiviti MPPB.
- 5.4 Jadual pelaksanaan MPPB adalah seperti berikut:

**JADUAL MINGGU PENGURUSAN PELAJAR BAHARU (MPPB)
SESI 2025/2026**

Masa	5.30 am - 7.00 am	7.00 am - 8.30 am	8.30 am - 9.30 am	9.30 am - 10.00 am	10.00 am - 10.30 am	10.30 am - 11.00 am	11.00 am - 12.00 pm	12.00 pm - 1.00 pm	1.00 am - 2.30 pm	2.30 pm - 3.30 pm	3.30 pm - 4.30 pm	4.30 pm - 5.30 pm	5.30 pm - 6.30 pm	6.30 pm - 9.00 pm
HARI PERTAMA			PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU 2024/2025 Pendaftaran/ Taklimat Waris secara dalam talian									Taklimat Jadual MPPB (KJPP/ PPHEP)	Solat Asar/ Pengurusan Diri	
HARI KEDUA	Solat Subuh/ Kuliah Subuh	Pengurusan Diri	Ice Breaking (JK MPPB/ Pegawai Kaunseling)	INTERAKSI 1 Taklimat Kolej Kediaman (Pengetua Kolej Kediaman/ Ketua Felo/ Felo)		Rehat	INTERAKSI 2 Taklimat Akademik/Jurusan/ PdP/ Jadual Waktu (KJ Akademik)		Makan Tengah Hari & Solat Zohor	INTERAKSI 3 Taklimat Pengurusan Disiplin, Kebajikan Pelajar dan Pilihanraya (PP HEP)			Solat Asar/ Raddah/ Pengurusan Diri	Solat Magrib/ Kuliah Magrib/ Solat Isyak/ Aktiviti Moral
HARI KETIGA			LDK Pengurusan Dokumen, Maklumat diri & Borang Perjanjian (Coach)		INTERAKSI 4 Taklimat Pelaksanaan MEPro (Penyelaras MEPro)		INTERAKSI 5 Taklimat Pelaksanaan PAL (Penyelaras PAL)	2.00 pm – 6.00 pm			INTERAKSI 6 Taklimat Kenegaraan MADANI (Wakil Akademi Kenegaraan Malaysia)			
HARI KEEMPAT			INTERAKSI 7 Taklimat Peperiksaan (PP Peperiksaan)	INTERAKSI 8 Taklimat Perpustakaan (Pustakawan)	INTERAKSI 9 Taklimat Kokurikulum & Aktiviti Pelajar (KU Kokurikulum)		INTERAKSI 10 Taklimat ‘SPARK’ (Pegawai Kaunseling)	INTERAKSI 11 Sehati Bersama Alumni (Alumni)		INTERAKSI 12 Halatuju Kecemerlangan (Pengurusan Tertinggi KM) & Penilaian MPPB (JK MPPB)	Majlis Penutupan MPPB (Pengarah)	Tamat MPPB		

6.0 BANTUAN KEWANGAN

- 6.1 Yuran pengajian dan penginapan ditanggung oleh KPM.
- 6.2 BSHP sebanyak RM250.00 sebulan sepanjang pengajian atau sejumlah yang ditetapkan oleh Kerajaan. Syarat kelayakan BSHP adalah pendapatan isi rumah RM10,000 ke bawah.
- 6.3 Pelajar yang memiliki kad OKU boleh memohon Elaun Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (EMBPB) dengan mengisi borang yang dilampirkan.
- 6.4 Pelajar asnaf/ miskin boleh memohon bantuan kewangan daripada Pusat Zakat/ Baitulmal/ lain-lain. Pelajar yang telah mendapat bantuan hendaklah memaklumkan kepada pihak kolej untuk tindakan selanjutnya.
- 6.5 Pelajar yang mendapat biasiswa daripada agensi kerajaan/ Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)/ Swasta juga hendaklah memaklumkan kepada pihak kolej.

Sekian, terima kasih

**#matrikulasidihatiku
Meneraju Kejayaan Masa Depan**

SENARAI KOLEJ MATRIKULASI KPM

Institusi / Alamat	Telefon / Faks	E-mel / Laman Web
Kolej Matrikulasi Melaka Kementerian Pendidikan Malaysia, 78300 Masjid Tanah, Melaka.	Tel:06-3832000 Faks:06-3847190	E-mel: kmm@kmm.matrik.edu.my Laman Web: http://www.kmm.matrik.edu.my
Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan Kementerian Pendidikan Malaysia, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan.	Tel:06-4841825 Faks:06-4841821	E-mel: edaran@kmn9.matrik.edu.my Laman Web: http://www.kmns.matrik.edu.my
Kolej Matrikulasi Pulau Pinang Kementerian Pendidikan Malaysia, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang.	Tel:04-5756090 Faks:04-5757389	E-mel: info@kmpp.matrik.edu.my Laman Web: http://www.kmpp.matrik.edu.my
Kolej Matrikulasi Perlis Kementerian Pendidikan Malaysia, 02600 Arau, Perlis.	Tel:04-9868613/ 04-9868614 Faks: 04-9868542/ 04-9868543	E-mel: info@kmp.matrik.edu.my Laman Web: http://www.kmp.matrik.edu.my
Kolej Matrikulasi Labuan Kementerian Pendidikan Malaysia, Jalan OKK Daud, Merinding, Peti Surat 81735, 87027 Wilayah Persekutuan Labuan.	Tel:087-465311/ 087-465314 Faks:087-466500	E-mel: adminkml@kml.matrik.edu.my Laman Web: http://www.kml.matrik.edu.my
Kolej Matrikulasi Johor Kementerian Pendidikan Malaysia, Jalan Payamas, 84900 Tangkak, Ledang, Johor.	Tel:06-9781613	E-mel: info.kmj@kmj.matrik.edu.my Laman Web: http://www.kmj.matrik.edu.my
Kolej Matrikulasi Perak Kementerian Pendidikan Malaysia, 31600 Gopeng, Perak.	Tel:05-3594600 Faks:05-3594412/ 05-3594413	E-mel: info@kmpk.matrik.edu.my Laman Web: http://www.kmpk.matrik.edu.my
Kolej Matrikulasi Kedah Kementerian Pendidikan Malaysia, 06010 Changloon, Kedah.	Tel:04-9286100	E-mel: info@kmk.matrik.edu.my Laman Web: http://www.kmk.matrik.edu.my

Institusi / Alamat	Telefon / Faks	E-mel / Laman Web
Kolej Matrikulasi Pahang Kementerian Pendidikan Malaysia, 26300 Gambang, Pahang.	Tel:09-5495000 Faks:09-5498996	E-mel: info@kmpk.matrik.edu.my Laman Web: http://www.kmpk.matrik.edu.my
Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Kedah Kementerian Pendidikan Malaysia, Pokok Tai, 06720 Pendang, Kedah.	Tel:04-4682508 Faks:04-4682281	E-mel: aduan.kmkk@kmkk.matrik.edu.my Laman Web: http://www.kmkk.matrik.edu.my
Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Pahang Kementerian Pendidikan Malaysia, 26400 Bandar Jengka, Pahang.	Tel:09-4677103 Faks:09-4677102	E-mel: Info@kmpkph.matrik.edu.my Laman Web: http://www.kmpkph.matrik.edu.my
Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Johor Kementerian Pendidikan Malaysia, KM 5, Jalan Kukup, Mukim Rimba Terjun, 82000 Pontian, Johor.	Tel:07-6881629/ 07-6881630 Faks:07-6881631/ 07-6882720	E-mel: Info@kmpkj.matrik.edu.my Laman Web: http://www.kmpkj.matrik.edu.my
Kolej Matrikulasi Selangor Kementerian Pendidikan Malaysia, Kathong Mukim Jugra, 42700 Banting, Selangor.	Tel:03-31201410 Faks:03-31201372	E-mel: webmaster@kms.matrik.edu.my Laman Web: http://www.kms.matrik.edu.my
Kolej Matrikulasi Kelantan Kementerian Pendidikan Malaysia, Beg Berkunci No. 3, 16810 Selising, Kelantan.	Tel:09-7808000 Faks:09-7808080	E-mel: webmaster@kmkt.matrik.edu.my Laman Web: http://www.kmkt.matrik.edu.my
Kolej Matrikulasi Sarawak Kementerian Pendidikan Malaysia, Lot 216, Fasa II, Taman Perindustrian Sejingkat, Peti Surat P17, 93457 Kuching, Sarawak.	Tel:082-439100 Faks:082-433108	E-mel: admin@kmsw.matrik.edu.my Laman Web: http://www.kmsw.matrik.edu.my
Kolej MARA Kulim Jalan Junjong, 09000 Kulim, Kedah.	Tel:04-4906422/ 04-4906623 Faks:04-4906426	E-mel: info@kmpkulim.edu.my Laman Web: http://www.kmpkulim.edu.my
Kolej MARA Kuala Nerang Lot 556, Daerah Padang Terap, 06300 Kuala Nerang, Kedah.	Tel:04-7867250/ 04-7867255 Faks:04-7867254	E-mel: infokm_kualanerang@mara.gov.my. Laman Web: http://www.kmkn.edu.my

CADANGAN SENARAI KEPERLUAN PERIBADI PELAJAR DI KOLEJ

Pelajar Lelaki

1. Kemeja
2. Baju-T berkolar
3. Seluar panjang
4. Pakaian Solat (Pelajar Islam)
5. Selimut
6. Kasut bertutup
7. Kasut sukan
8. Sarung kaki
9. T-Shirt dan seluar sukan (track bottom)
10. Bantal dan cadar
11. Keperluan peribadi yang lain

Pelajar Perempuan

1. Pakaian yang sopan
2. Seluar panjang (slack) berwarna gelap
3. Tudung (Pelajar Islam)
4. Pakaian solat (Pelajar Islam)
5. Baju-T berkolar
6. Selimut
7. Kasut bertutup
8. Kasut sukan
9. Sarung kaki
10. Seluar sukan (track bottom)
11. Bantal dan cadar
12. Keperluan peribadi yang lain

Perincian etika pakaian pelajar Program Matrikulasi KPM, sila muat turun Buku Peraturan Pelajar Program Matrikulasi KPM